

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

7. Sila jelaskan status pelaksanaan program "*Healthier Penang*" yang memberikan kad elektronik "*I LOVE Penang*" untuk rakyat menikmati rawatan klinik percuma.
- (a) Nyatakan secara terperinci tentang bagaimana pelaksanaan kad elektronik digunapakai.
  - (b) Apakah kad elektronik "*I LOVE Penang*" boleh dibangunkan untuk menjadi kad pintar untuk semua program i-Sejahtera dan kebajikan?

**YB. PHEE BOON POH**

**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Penang Sihat di mana isi rumah berpendapatan RM5,000.00 ke bawah akan menerima kredit RM300.00 setahun manakala individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500.00 sebulan akan mendapat kredit RM150.00 setahun dengan had RM50.00 setiap rawatan. Program ini bakal memanfaatkan 195,000 isi rumah dan dijangka akan menelan belanja sebanyak RM60 juta setahun.

Sehubungan dengan itu, kad pintar "*I LOVE Penang*" masih dalam fasa pembangunan sistem dan *software* untuk menyokong program-program yang akan terlibat dalam program ini. Fasa kedua akan

melibatkan program-program lain seperti “i-Sejahtera” dan Agenda Ekonomi Saksama (AES). Oleh yang demikian, kad ini bukan sahaja untuk program kesihatan malah ianya akan menjadi kad pintar pelbagai fungsi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tetap komited untuk memastikan pelaksanaan program dan pelancaran kad ini berjalan sepertimana yang telah dirancang. Kad ini dijangkakan dilancar pada Januari 2019.

- (a) Kad ini akan bertindak sebagai kad debit yang membolehkan penerima menggunakan kad ini di klinik atau hospital swasta yang akan berdaftar dengan program ini. Setiap tahun, isi rumah yang berpendapatan kurang RM5,000.00 akan diberi kredit RM300.00 dalam kad “*I LOVE Penang*” untuk membayar yuran perkhidmatan pesakit luar berserta ubat, dengan had RM50.00 setiap rawatan. Individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500.00 sebulan akan mendapat kredit RM150.00 setahun dengan had sama RM50.00 setiap rawatan. Perincian pelaksanaan masih di peringkat perbincangan dan akan diwar-warkan kepada rakyat setelah pelaksanaan kad ini lengkap sepenuhnya.
- (b) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk meluaskan fungsi kad pintar “*I LOVE Penang*” untuk digunakan bagi program kebajikan seperti Program “i-Sejahtera” dan Agenda Ekonomi Saksama (AES) setelah segala penambahbaikan bagi fasa 1 dilakukan.